

UMP Kenang Jasa Warga Kerja, Lancar Kad Alumni UMP



Kuantan, 18 Disember—Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan Majlis Jasa Dikenang, Apresiasi Staf dan Felo Tamat Pengajian bagi meraikan seramai 112 staf akademik pengajian di peringkat Doktor Falsafah sepanjang tahun 2016 dan 2017 yang berlangsung di Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang baru-baru ini. Hadir meraikan majlis Naib Canselor I Nasir Ibrahim bersama pengurusan universiti.

Dalam ucapan perasmianya berkata, majlis ini begitu bermakna dalam konteks manifestasi penghargaan ikhlas pihak pengurusan UMP terhadap warga kerjanya yang komited menyatakan sehingga tiba saatnya bagi mereka untuk meninggalkan perkhidmatan sebagai pesara.



"Pihak pengurusan telah bersetuju untuk mewujudkan Kad Korporat Alumni UMP sebagai sebahagian inisiatif peluasan manfaat dan kemudahan pasca persaraan kepada semua pesara. Alumni UMP ini merupakan manifestasi penghargaan Universiti ini terhadap kesetiaan dan komitmen para pesaranya sepanjang perkhidmatan mereka. Di samping itu, inisiatif ini bertujuan untuk memberi manfaat kepada pesara terhadap UMP," katanya.

Tambah beliau, kemudahan kad ini boleh digunakan bagi mendapatkan perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh Pusat Kesihatan Universiti, Perpustakaan, Bahagian Keselamatan dan lain-lain Pusat Tanggungjawab di Universiti ini yang diperakuan oleh pihak pengurusan.

Menurutnya lagi, jasa mereka sentiasa kekal dalam kenangan dan mendoakan mudah-mudahan kehidupan mereka selepas ini sentiasa berada dalam kebahagiaan, kesejahteraan dan berpanjangan dan terus berbakti kepada masyarakat.



Selain itu, UMP terus mengabadikan penghargaan kepada para staf akademik dan felo yang berjaya menamatkan pengajian mereka di peringkat ijazah kedoktoran (PhD). Kejayaan m pengajian ini sesungguhnya menjadi inspirasi kepada rakan-rakan lain. Dalam majlis ini seramai 10 orang staf dan felo yang berjaya bergraduasi dalam tempoh pengajian asal atau le menerima sijil penghargaan khas di samping insentif kecemerlangan melalui Program Graduate On Time (GOT) beserta sijil kecemerlangan GOT masing-masing.

Menurut Dato Sri Dr Daing, ijazah PhD yang digenggam kalian kini turut memberi impak yang signifikan terhadap bilangan pensyarah berkelulusan PhD yang kini mencapai 69.8 perat akademik di UMP.



Dengan kejayaan tersebut, mereka yang kembali berkhidmat perlu memberikan sumbangan cemerlang sebagai penjawat awam di Universiti ini dalam kapasiti masing-masing. Selain kelayakan PhD tersebut sewajarnya kini disalurkan untuk manfaat masyarakat sejagat sejajar dengan tagline "Memasyarakatkan Teknologi" yang mendasari Pelan Strategik UMP 2016-201

Mereka adalah Dr. Abdul Nasir Abd. Ghafar dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), Dr. Mohamad Shaiful Abdul Karim, Dr. Ahmad Syahiman Mohd Shah, Dr. Mohd Talip@Yusof. Tiga orang dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) iaitu Dr. Mohd Azrul Hisham Mohd Adib , Dr. Muhammad Hilmi Jalil, Dr. Mohd Adnin Hamidi serta dua orang dari Fakult Ahmad Shahir Jamaludin dan Dr. Ahmad Rosli Abdul Manaf.

Di antara yang dirai adalah Pengurus Asrama Gred N41, Wan Norazizah Majid, Pensyarah Universiti Gred DS51,Dr. Husniah Sahamid, Pegawai Latihan Vokasional Gred J41, Ir. Haji Idris I Said. Majlis turut dihadiri ahli keluarga dan waris dua staf UMP yang telah kembali ke rahmatullah iaitu keluarga allahyarham Mohamad Azizi Abu Seman yang telah kembali ke rahm Allahyarhamah Dr. Aini Ahmad yang meninggal dunia pada 15 November 2017.



Pensyarah kanan FKEE, Dr. Nurhafizah Abu Talib @ Yusof yang telah menamatkan pengajian Phd dalam bidang *Applied Electronics* di Tokyo University of Science, Jepun turut berkongsi p antaranya budaya dan cara kerja masyarakat Jepun yang mengamalkan disiplin yang tinggi, amanah dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas merupakan ciri-ciri positif yang dan pembelajaran di UMP.

Manakala bagi pensyarah FKM, Dr. Mohd Adnin Hamidi pula beliau amat bersyukur berjaya menamatkan pengajian Phd dalam bidang *New Energy Science (Thermal Fluid System)* c bukan sahaja ilmu akademik yang diperoleh malah lebih daripada itu. Katanya, jati diri sebagai seorang muslim serta identiti sebagai rakyat Malaysia haruslah kuat di dada apabila ber cabaran dan dugaan yang akan ditempuhi apabila berada di perantauan.

Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil penghargaan, cenderahati dan kad korporat alumni sebagai kenang-kenangan dan peringatan di atas jasa yang telah dicurahkan sepanjang perkahawaman di sini.



Berita disediakan oleh Siti Sarah Mohamad Rajimi, Bahagian Komunikasi Korporat.

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 05-01-2018, 16:54:24